

PTPP bantu perkembangan

B.H. m/s 11 20.1.07

Kerajaan buat kajian rapi sebelum perkenal pe

WAWANCARA wartawan *Berita Harian*, Tamrin Anuar dan Syuhada Choo Abdullah dengan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, mengenai falsafah, hala tuju dan matlamat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010

? KEMENTERIAN Pelajaran merangka Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) sebagai satu pelan induk holistik dan realistik. Sejauh manakah Datuk Seri menyakini segala perancangan itu mampu diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan sebenar dengan berkesan, lebih-lebih lagi dalam baki tempoh singkat menjelang 2010.

Pertama, pelan induk ini sudah dirangka bersama sejak 2004. Program serta projek di dalamnya dirangka berdasarkan pencapaian Kementerian Pelajaran dan realiti semasa. Seperti yang saya sebut ketika pelancaran PTPP pada Selasa lalu, pelan ini bukanlah suatu yang sepenuhnya baru, bukan wujud dari sesuatu yang tiada. Sebaliknya, ia dirangka berdasarkan realiti masa kini dan pencapaian sedia ada.

Sebagai contoh pada Rabu lalu, saya membentangkan kepada Jemaah Menteri mengenai Status Pelaksanaan Projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Kementerian Pelajaran. Saya memaklumkan bahawa kita sudah mula melaksanakan projek RMK-9 seawal pelancarannya pada Mac tahun lalu.

Sejumlah 7,255 projek pembangunan fizikal sudah dilaksanakan dengan siling RM6,976.79 juta terdiri daripada projek pembangunan prasekolah, makmal komputer, bengkel mata pelajaran vokasional (MPV), pembangunan sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK), pubahsuaian dan menaik taraf sekolah dan juga penyediaan bekalan elektrik serta air di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Daripada jumlah itu, 26 adalah projek inisiatif dana swasta (PFI) dengan siling peruntukan RM580.3 juta. Ada


tempat. Kerana itu, 'Merintis Pembaharuan' dijadikan tema kita. Inilah masa paling sesuai untuk melakukannya.

Bagi sesiapa yang mengenali saya, mereka tahu bahawa saya tidak akan mengumumkan perkara yang saya tidak yakin boleh dilaksanakan. Mungkin nampak saya mengambil sedikit masa, tetapi dalam pendidikan, sememangnya kita perlu memikirkan sesuatu perkara dengan mendalam sebelum mengambil tindakan untuk mengubahnya kerana kita tidak mahu anak-anak kita menjadi mangsa.

Setiap yang saya umumkan dalam PTPP, semuanya sudah ada *ground work* dilaksanakan. Sejak 2004 lagi, kita sudah membentangkan sebanyak 43 nota dan memorandum kepada Jemaah Menteri dan mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Ini bermaksud kita sudah memperoleh keputusan kepemimpinan peringkat tertinggi dan ada kesungguhan politik untuk melaksanakannya.

Seperti yang saya katakan, pelan ini adalah pelan fleksibel dan setiap pandangan mengenainya amat saya alu-alukan. Saya sangat yakin kita boleh melaksanakannya dan jika terdapat kekangan dan hambatan yang langsung tidak dapat dielakkan atau ada sebarang penambahbaikan, kita akan menyelaraskan segalanya menjelang Kajian Separuh Penggal atau Rancangan Lima Tahun berikutnya.

? Dalam usaha merealisasikan strategi pelaksanaan dan pelan tindakan digariskan dalam PTPP, apakah kekangan serta cabaran utama dijangkakan, terutama untuk memastikan proses penyampaian dan pelaksanaan PTPP mencapai matlamat?



mencapai matlamatnya, saya mengemukakan perkara ini dibincangkan pada Persidangan Perancangan Strategik membabitkan pegawai kanan kementerian dari semua jabatan dan bahagian, termasuk jabatan pelajaran negeri (JPN). Pada persidangan ini, saya mahukan mekanisme pemantauan, laporan pelaksanaan dan perhubungan awam turut dibincang dan dirangka agar kerajaan serta masyarakat dapat dimaklumkan mengenai pelaksanaan pelan induk ini dari semasa ke semasa.

Sebagai ujian pertama sebelum Persidangan Perancangan Strategik, saya ingin semua pihak terbabit dengan program utama dalam enam teras strategik diumumkan, berbincang dan sama-sama mempakejkan produk masing-masing.

Melalui ujian pertama ini saya ingin melihat sejauh mana semua ba-

projek ini yang dilaksanakan oleh Kementerian sendiri dan ada juga oleh agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR). Pada masa sama, selain projek fizikal, kementerian juga melaksanakan projek bukan fizikal atau perolehan peralatan.

Sebanyak RM1.073 bilion dibelanjakan untuk perolehan peralatan ini yang membabitkan projek pembekalan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke Pusat Akses, Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), pembekalan peralatan MPV, kelas pra-sekolah dan institusi lain di bawah kementerian ini.

Dalam Program Pembestarian Sekolah pula, sehingga akhir RMK-8, kita sudah menyambungkan 97 peratus sekolah dengan akses jalur lebar dan 4,500 sekolah dilengkapi makmal komputer yang dibekalkan 99,000 komputer dan 4,600 pelayan.

Selain itu, kita juga membekalkan lebih 97,000 komputer riba dan 70,000 LCD projektor kepada semua sekolah bagi pelaksanaan PPSMI. Lebih 2,000 judul perisian kursus diedarkan ke sekolah, manakala latihan dan pelbagai kursus ICT diberikan kepada lebih 200,000 guru.

Cabaran kita ialah bagaimana untuk menyelaras semua usaha ini, termasuk program TV Pendidikan dan 88 Sekolah Rintis Bestari ke dalam satu pakej dikenali sebagai 'Program Pembestarian Sekolah'. Perincian program ini diumumkan pada April ini.

? Bagaimana dengan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

Program ini sudah dilaksanakan. Bagaimanapun, ketika ini kita sedang mencari jalan menambah baik mekanisme penyampaian dan kandungan nutrisi untuk program ini. Ketika Perhimpunan Agung Umno lalu, dengan persetujuan Perdana Menteri, saya mengumumkan bahawa program ini mendapat peruntukan tambahan.

Ia perkembangan penting kerana ada kesungguhan politik daripada pucuk pimpinan untuk memberi perhatian tinggi terhadap aspek nutrisi bagi meningkatkan pencapaian pelajar miskin. Dengan peruntukan tambahan ini, kita boleh meningkatkan mekanisme penyampaian dan kandungan nutrisi makanan di bawah program ini dengan bantuan pihak berkepakaran, pengalaman dan kelemahan mekanisme lalu dapat dimanfaatkan sepenuhnya, maka sudah pasti program ini dapat ditambah baik dan dapat sampai kepada golongan sasaran.

Bagi program pembaharuan, seperti membuat rombakan kurikulum, mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran, mengubah cara kita mentaksir dan menilai pelajar dan sebagainya, saya berpandangan bahawa jika kita mahu melaksanakan rombakan terhadap sistem pendidikan kita, ia harus dimulakan sekarang.


Ia mungkin mengambil sedikit masa, tetapi kita harus bermula di satu

Paling penting ialah kefahaman yang jelas dan mendalam di kalangan pegawai kanan saya mengenai dasar dan matlamat ingin dicapai serta kesedaran mereka terhadap Indeks Pencapaian Utama (KPI) dan juga perlunya tugas mereka ini dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan. Amat penting semua ini ditepuhi dan ditunaikan.

Kedua, kita perlu melihat sejauh mana semua pihak berkepentingan, terutama dari luar kementerian dapat dibabitkan untuk membantu pelaksanaan pelan induk ini dengan lebih cepat, cekap dan teratur. Dalam hal ini, kita amat menyedari bahawa pelaksanaan pelan ini tidak boleh dilakukan secara bersendirian oleh pihak kementerian.

Kerjasama, sokongan, pembabitkan dan komitmen semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) amat penting untuk menjayakan pelan induk ini.

Sebagai contoh, pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kerana membabitkan ibu bapa, guru dan juga pelajar. Selain itu, badan korporat



dan pihak swasta yang mendapat beratus juta ringgit projek daripada kita. Apakah sumbangan mereka semula terhadap pendidikan?

Ketiga, proses pemantauan, penilaian, pelaporan dan perhubungan awam pada semua peringkat perlu mantap dan bertanggungjawab. Perlu ada mekanisme dibangunkan untuk menilai sejauh mana KPI dapat dicapai oleh setiap pihak terbabit. Inilah apa yang saya tekankan dalam Perutusan Tahun Baru 2007 kepada semua warga Kementerian Pelajaran, Khamis lalu.

? Dalam konteks ini, apakah perediaan untuk menangani kekurangan dan cabaran berkenaan? Bagaimana pula untuk menangani kelemahan sistem pemantauan dan penilaian sedia ada.

Kita sudah mengadakan satu bab, iaitu Bab 10 di dalam PTPP mengenai faktor kritikal yang akan menentukan kejayaan pelan induk bagi menjawab perkara ini.

Selain itu, bagi memastikan matlamat pelaksanaan pelan induk ini

berjalan dapat berkomunikasi dan bekerjasama serta melihat pelaksanaan program masing-masing dari perspektif PTPP, bukan dari perspektif bahagian masing-masing.

Malah, saya mahu satu perancangan khusus dibuat membabitkan fokus bulanan yang akan dilaksanakan sepanjang pelaksanaan PTPP seiring dengan KPI yang kita sediakan. Selain itu, saya sendiri akan memperkerusi jawatankuasa khas pemantauan dan pengesanan PTPP bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya. Kita akan mengumumkan kad laporan kemajuan pelaksanaan PTPP sebanyak dua kali setahun, di samping nota kepada Jemaah Menteri dari semasa ke semasa. Saya percaya, jika semua langkah ini dapat dilaksanakan, pastinya pelan ini akan berjalan dengan lancar dan berkesan.

? Salah satu pembaharuan di-suntikkan dalam fokus memantapkan kerjaya guru melalui Teras Kelima: Memartabatkan Profesion Keguruan, ialah menyediakan laluan *fast track* untuk pe-

“Setiap yang saya umumkan dalam PTPP, semuanya sudah ada 'ground work' dilaksanakan. Sejak 2004, kita bentang 43 nota dan memorandum kepada Jemaah Menteri dan mendapat kelulusan”

ingkatan kerjaya guru berasaskan merit dan prestasi, bukan hanya menggunakan kekananan sebagai asas utama. Bagaimanapun, apakah komen Datuk Seri bahawa kebanyakan guru sedia ada di sekolah dikatakan sudah pun berada dalam *comfort zone*?, sekali gus kemungkinan besar tidak akan menyahut seruan untuk menggerakkan pembaharuan atau usaha secara dinamik dan komited ke arah mencapai matlamat PTPP.

Andaian adanya guru yang sudah berada dalam zon selesa ini mungkin dibuat berdasarkan asas tertentu, tetapi saya berani menyatakan kesimpulan bahawa ramai guru bersikap demikian adalah tidak tepat. Majoriti saya tengok cukup komited dan bersungguh-sungguh bukan saja untuk mengajar dalam kelas, malah melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab lain yang hadir bersama kedudukan mereka sebagai pendidik sama ada di sekolah atau di kalangan anggota masyarakat keseluruhannya.

ngan pendidikan

lan babitkan masa depan pelajar



SALIM SHAARI | BERITA HARIAN

“*Bagi sesiapa yang mengenali saya, mereka tahu bahawa saya tidak akan umumkan perkara yang tidak yakin boleh dilaksanakan. Mungkin nampak saya mengambil sedikit masa, tetapi dalam pendidikan, sememangnya kita perlu memikirkan sesuatu perkara dengan mendalam sebelum mengambil tindakan untuk mengubahnya*”

Sebagai contoh, ketika lawatan saya ke sekolah yang dijadikan penempatan mangsa banjir, guru memainkan pelbagai peranan, termasuk memberi semangat dan kaunseling kepada mangsa banjir. Pada masa sama, mereka memastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berlangsung.

Jika diperhatikan dalam PTPP, lima strategi yang dirangka untuk memartabatkan profesion keguruan bertujuan memastikan bukan saja kita dapat melahirkan guru berkualiti, malah lebih jauh daripada itu, iaitu memastikan mereka yang berkualiti ini kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Strategi ini dirangka berdasarkan pelbagai kajian, termasuk hasil laporan dan perakuan Jawatankuasa Mengkaji Tugas dan Tanggungjawab Guru. Seseengah pendekatan dicadangkan sudah pun mula dilaksanakan. Sebagai contoh, tahun lalu kuota kenaikan pangkat guru dinaikkan lebih daripada 250 peratus, iaitu dari 2,612 kepada 9,374 untuk guru cemerlang dan daripada 185 kepada 610 bagi pengetua cemerlang.

Justeru, saya berpendapat bahawa sekiranya semua guru sudah berada dalam zon selesa, maka tidak mungkin kita ada sebarang calon layak diper-

menambah kemahiran dan ilmu semata-mata untuk menjadi guru lebih baik untuk pelajar. Adakalanya mereka melaksanakan tanggungjawab di luar bidang tugas kerana budaya dan naluri pendidik sudah sehati dalam jiwa mereka.

Seperti yang saya sebutkan tadi ketika banjir. Kalau tidak ada guru, siapakah yang akan bertugas menjaga sekolah pada masa itu? Bukankah guru juga adalah di kalangan mangsa banjir? Bukankah semua ini berlaku ketika cuti sekolah?

Mungkin persepsi golongan guru terlalu dimanjakan ini timbul kerana pengorbanan majoriti guru ini tidak terlalu ditonjolkan atau ditenggelamkan oleh sikap dan tindakan sejumlah kecil yang suka menggunakan media untuk mengemukakan perkara tertentu.

Suara sebahagian kecil inilah membentuk persepsi masyarakat sehingga menganggap seolah-olah semua guru langsung tidak boleh dipanggil datang ketika cuti, yang berkira mengenai beban tugas dan tidak mahu menerima perubahan ke arah kebaikan serta menganggap penggunaan ICT membebankan.

“*Kita dapati ada sejumlah kecil yang hanya mahu melihat ke-*

man, sehingga mengakibatkan masalah keciciran. Bagaimanakah Kementerian Pelajaran akan menangani tiga isu berkenaan.

Dalam konteks merapatkan jurang pendidikan luar bandar dan bandar, kita tekankan kepada pendekatan pertama menyelesaikan agenda belum selesai dan menyamaratakan padang pendidikan kita. Sebagai contoh, saya berharap masalah kemudahan serta keperluan asas elektrik dan air di sekolah pedalaman dapat diselesaikan hujung tahun ini.

Selain itu, saya memikirkan bagaimana guru di negeri yang ada banyak sekolah ini dapat diberi tugas khusus mengajar di kawasan pedalaman. Saya mempertimbangkan kemungkinan masing-masing satu institut pendidikan guru (IPG) di Sabah dan Sarawak dikhususkan untuk melahirkan guru negeri itu saja.

Ini dengan harapan guru berkenaan tiada masalah mengajar di negeri mereka sendiri untuk jangka masa panjang. Guru dari negeri lain akan mengemukakan surat rayuan kepada saya untuk bertukar selepas tempoh tertentu di sana. Jika kita menukarkan mereka, ia akan menjejaskan jurusan dan rancangan sehingga menyebabkan ada negeri kekurangan atau berlebihan guru.

Perkara ini saya serahkan kepada Bahagian Pendidikan Guru. Tugasnya ialah untuk menekankan kepada dua IPG ini bahawa agenda kita dalam masa terdekat ialah untuk memenuhi keperluan mengurangkan jurang pendidikan dalam konteks pembekalan guru yang komited dan berseungguh-sungguh mengajar di kawasan pedalaman negeri masing-masing. Cadangan itu sudah diberikan kepada saya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkannya nanti.

? Kementerian Pelajaran menjemput dan mengalu-alukan setiap pihak mengemukakan pandangan terhadap PTPP untuk pengubahsuaian, penambahbaikan dan penyelarasan. Apakah saluran khusus yang disediakan bagi tujuan itu.

Sebenarnya mereka boleh menggunakan apa sahaja medium yang mereka fikirkan paling sesuai. Brosur yang kita edarkan mengenai PTPP dan enam teras strategik ada disertakan alamat laman web, nombor telefon dan faksimili bahagian berkaitan.

timbangankan untuk peluang kenaikan pangkat yang disebutkan tadi.

Namun, apa berlaku ialah ramai guru dikenal pasti ada prestasi dan kepakaran tinggi dan menjadikan persaingan amat ketat. Ia membuktikan bahawa ramai guru yang sentiasa berusaha keras memperbaiki dan meningkat prestasi mereka, sekali gus memberikan perkhidmatan terbaik. Dengan sebab itulah, kuota berkenaan perlu ditambah.

Kita lihat dalam pengisian jawatan Pengetua Cemerlang JUSA C, contohnya, sebelum ini hanya lima tempat disediakan dan pengisian dibuat berdasarkan tapisan amat rapi dan teliti. Saya mendapat maklum balas bahawa mereka terpilih meneruskan prestasi amat cemerlang. Malah, ada termasuk dalam kelompok terbaik dalam kursus bagi pengesahan jawatan dilaksanakan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan ada pula di kalangan mereka yang mendapat anugerah serta pengiktirafan antarabangsa.


Dengan bukti dan hasil ini jugalah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan permohonan kita untuk menambah kuota Pengetua Cemerlang Jusa C daripada lima kepada 10 tempat. Kepada guru, jangan pula lupa bahawa kesungguhan Perdana Menteri sudah membuka peluang kepada guru dan pengetua cemerlang untuk menikmati kenaikan pangkat sehingga ke gred Jusa C tanpa perlu meninggalkan sekolah serta minat mendalam untuk mendidik murid.

Begitu juga, sekiranya guru sudah berada dalam zon selesa, tidak mungkin ramai berebut mahu sekolah mereka tersenarai dalam kelompok sekolah cemerlang. Mereka tidak perlu berbuat begitu kerana jika sekolah mereka terpilih, maka kerja semakin bertambah dan perlu mencapai KPI ditetapkan.

? Dalam komitmen Kementerian Pelajaran untuk memastikan kebajikan guru dan memartabatkan profesion keguruan negara, timbul tanggapan sesetengah pihak bahawa guru kini terlalu 'dimanjakan' sehingga hilang jati diri sebagai pendidik sedangkan mereka adalah barisan utama pelaksanaan dasar digariskan. Apakah komen Datuk Seri.

Saya mempunyai pandangan berbeza dalam hal ini. Sepanjang tempoh hampir tiga tahun saya di sini, saya melihat majoriti guru komited dengan tugas mereka, sanggup berkorban dan ditempatkan di kawasan pedalaman, sabar mengendalikannya anak berkeperluan khas dan sanggup memajukan diri mereka,

“Suara sebahagian kecil inilah yang membentuk persepsi masyarakat sehingga menganggap semua tidak boleh dipanggil datang ketika cuti. Mereka tidak mahu menerima perubahan”



pada kepentingan dan kepuasan diri semata-mata tanpa cuba mengimbangnya dengan kepentingan dan agenda lebih besar. Mereka tidak melihat sesuatu perkara dalam gambaran lebih besar dan luas. Apa komen Datuk Seri.

Secara peribadi, saya tidak ada masalah sekiranya sejumlah kecil ini memilih untuk menggunakan pendekatan seumpama itu. Namun, mereka perlu ada rasa tanggungjawab kepada profesion keguruan itu sendiri. Jangan kerana tindakan sebahagian kecil, semua guru terpalit dan imej kerjaya murni ini tercalar.

Saya akui pernah terdengar kenyataan seperti guru dulu dan sekarang sudah lain, guru dulu tiada yang Jusa tetapi melahirkan ramai Jusa, guru sekarang terlalu berkira dan hilang semangat kesukarelaan. Namun secara keseluruhan, saya melihat sebahagian besar guru tetap komited dan menjunjung ikrar perkhidmatan, memberikan sumbangan terbaik kepada negara.

Dengan sebab itulah kita akan terus memartabatkan profesion ini dan pada akhirnya guru sendiri perlu berusaha untuk menjaga imej profesion ini. Guru bukanlah kerjaya mudah dan pilihan terakhir. Tidak ada tempat untuk mereka yang tidak sanggup berkorban.

? Teras Keempat: Merapatkan Jurang Pendidikan menggariskan usaha Kementerian Pelajaran untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar. Selain kekangan dari segi faktor geografi dan kewangan, satu lagi cabaran paling besar ialah sikap dan mentaliti ibu bapa, khususnya di kalangan masyarakat peribumi dan kawasan pedala-

Sebagai tambahan, saya juga meminta pegawai saya untuk mewujudkan ruang pada laman web kementerian untuk orang ramai mengemukakan pandangan. Mungkin kita juga akan mewujudkan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) dan blog khusus bagi tujuan ini.

Orang ramai boleh menggunakan e-mel, surat, faksimili atau semua saluran yang akan kita wujudkan tadi untuk memberi sebarang pandangan, laporan dan sebagainya yang boleh membantu pelaksanaan PTPP ini sebaik-baiknya.

Malah sekiranya mereka merasakan perlu, mereka juga boleh menulis terus kepada saya dan insya-Allah, kita akan memberi perhatian terhadap pandangan mereka.

Saya mengambil pendirian terbuka dalam hal ini. Bagi saya, pendidikan adalah tanggungjawab semua. Segala pandangan bernas, terutama yang boleh membantu mencapai hasrat pelan induk ini, iaitu bagi menyediakan pendidikan berkualiti dan melahirkan bangsa Malaysia seperti dihasratkan Misi Nasional dan Wawasan 2020, akan kita pertimbangkan dan cuba laksanakan.

Banyak perkara yang hendak kita laksanakan dalam tempoh tinggal hanya empat tahun ini. Saya memerlukan setiap warga kementerian untuk bekerja sebagai satu pasukan yang benar-benar komited, amanah, jujur dan sanggup bekerja keras.

Pada waktu sama, saya juga mengalukan bantuan serta sokongan yang ingin diberikan mana-mana pihak. Bagi saya, tempoh sehingga 2010 ini amat penting untuk memastikan landasan kukuh dan betul dapat disediakan sebelum kita melaksanakan reformasi pendidikan sepenuhnya.